



ANDA BERADA DI SINI : AM &gt; BERITA

[Beli Berita Ini](#)

BERNAMA

Carian

 Berita  Who's Who

10 Februari, 2012 19:49 PM

## Penggunaan MyKad Jamin Bantuan MyKasih Sampai Kepada Penerima - Shahrir

JOHOR BAHRU, 10 Feb (Bernama) -- Penggunaan MyKad bagi pengagihan bantuan makanan di bawah Program MyKasih "Love My Neighbourhood" menjamin sumbangan sampai kepada penerima bantuan itu sepenuhnya.

Anggota Parlimen Johor Bahru Datuk Seri Shahrir Abdul Samad berkata melalui cara itu pengasas program itu, MyKasih Foundation dapat memastikan bantuan yang diterima tidak disalahgunakan untuk tujuan lain.

"Yayasan ini akan mendaftarkan penerima yang sahif dan akan menyalurkan RM80, iaitu RM40 dikreditkan setiap dua minggu ke dalam MyKad penerima.

"Penerima akan menggunakan MyKad untuk membeli makanan asas seperti mee segera, roti, susu, gula, tepung, garam dan minyak masak di pasar raya terpilih," katanya selepas melancarkan Program MyKasih 'Love My Neighbourhood' peringkat Johor Bahru di Dewan Raya Rumah Pangsa Larkin di sini Jumaat.

Shahrir juga berharap lebih banyak sektor swasta tampil menghulurkan bantuan melalui yayasan itu, yang diakui berkesan dalam usaha membela nasib golongan sasar berpendapatan kurang daripada RM1,000.

"Dengan ini, sektor swasta bukan hanya dapat menjalankan tanggungjawab sosial korporat mereka malah membantu kerajaan membela nasib rakyat dan mereka boleh mendapatkan pengecualian cukai untuk bantuan yang diberikan itu," katanya.

Shahrir berkata 250 keluarga berpendapatan rendah dan kurang mampu di kawasan Parlimen Johor Bahru telah didaftarkan untuk menerima bantuan itu dan akan mendaftarkan 250 penerima lagi dalam masa terdekat.

Ibu tunggal, Siti Suhaida Md Sis, 36, yang bekerja sebagai kerani dan mempunyai anak berusia tujuh hingga 17 tahun bersyukur dengan bantuan berkenaan.

Kematian suami akibat penyakit paru-paru berair tujuh tahun lepas menyebabkan dia kadang-kadang berlapar untuk memastikan anak-anaknya cukup makan.

"Adakala lempeng dan jemput-jemput tepung menjadi menu harian kami bagi menghilangkan lapar. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada MyKasih di atas keprihatinan mereka kerana dengan bantuan ini sedikit-sebanyak meringankan beban kami sekeluarga," katanya.

Sejak ditubuhkan dua tahun lalu, MyKasih telah membantu lebih 10,000 keluarga miskin di seluruh negara dengan 625 penerima adalah dari Johor.

-- BERNAMA

*Kami menyediakan langganan  
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).*

[Kembali](#) [Ke Atas](#)

## Berita-berita Lain

- [Chingay Bukti Toleransi Kaum Negara Ini - Najib](#)
- [PAS Tetap Dengan Pendirian Tentang Sambutan Hari Kekasih](#)
- [Bumbung Runtuh: Jiran Bantu Pecahkan Tingkap Untuk Selamatkan Pelajar](#)
- [Pemberian Subsidi Padi Akan Dikaji Semula, Kata Noh](#)
- [BN Ada Masa Perkukuh Dan Kuatkan Imej Parti Bagi Hadapi PRU-13 - Ahmad Zahid](#)

▼ iklan

## THE WAR AGAINST CORRUPTION



▼ iklan

**Iklan di sini!**  
Hubungi kami untuk mengiklan  
250 x 250 piksel